

**B A B**

**V**

## PENUTUP

Merentasi tajuk-tajuk yang dipersembahkan bermula dari latarbelakang masalah, biografi tokoh, kaedah pembinaan hukum atau metodologi mazhab al-Im m al-Sh fi'ī, kaedah-kaedah *pertarjīhan* dan paparan sampel masalah-masalah *khil f* diantara al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī berserta dengan analisisnya, maka selanjutnya bab ini adalah kesimpulan kepada kajian yang dijalankan oleh penulis berserta beberapa cadangan dan saranan.

### 5.1 KESIMPULAN

#### 5.1.1 Peribadi al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī

##### a) Ketokohan

Al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī merupakan tokoh mazhab Sh fi'ī yang tiada tandingan disebabkan oleh usaha mereka menyemak dan memperhalusi semula pendapat, *wujūh*, *aqwāl* dalam mazhab serta *mentarjīhkannya* selari dengan metodologi yang digariskan oleh al-Im m al-Sh fi'ī dan lain-lain kaedah yang sesuai. Hukum yang disepakati oleh kedua-dua imam ini dianggap sebagai pandangan muktamad mazhab dalam masalah-masalah yang tidak disentuh oleh al-Im m al-Sh fi'ī. Jika suatu masalah itu menjadi perselisihan antara mereka berdua, maka pandangan al-Im m al-Nawawī *ditarjīhkan* dan diterima pakai.

##### b) Latarbelakang keluarga

Peranan keluarga adalah amat besar dalam mendidik dan membesarkan anak-anak selari dengan matlamat pendidikan Islam. Faktor ini melatari kehidupan kedua-dua imam ini apabila bapa mereka berdua memberi tumpuan dalam aspek pendidikan dengan begitu serius. Dalam konteks al-Im m al-R fi'ī bapa beliau sangat prihatin dalam mendisplinkan anak-anaknya dan memastikan mereka hanya makan dari sumber

yang halal. Manakala bapa al-Im m al-Nawawī, walaupun beliau seorang peniaga tetapi tetap memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak. Ini lebih ketara apabila beliau melihat kecenderungan anaknya kepada ilmu mengatasi segala-galanya.

c) Pendidikan dan karya

Kedua-dua imam mempunyai latarbelakang pendidikan yang sangat mantap merangkumi pelbagai cabang ilmu agama sebagai aset untuk menjadi mujtahid dan berkhimat kepada ilmu dan *ummah*. Ketekunan mereka dalam menuntut ilmu sesuatu yang perlu dicontohi dan teladani oleh generasi penuntut ilmu sekarang. Bahkan dalam masalah al-Im m al-Nawawī, cinta beliau kepada ilmu dan penulisan telah membataskannya untuk berfikir soal kehidupan berkeluarga. Di samping itu, mereka berdua turut terlibat dengan aktif dalam bidang penulisan dengan karya-karya yang disifatkan sebagai '*magnum opus*' yang masih dipelajari dan dikaji hingga hari ini. Al-Im m al-Nawawī misalnya dalam usia beliau yang singkat sekitar 45 tahun telah meninggalkan berpuluh-puluh karya berkualiti dalam perbagai cabang ilmu syarak. Sesuatu yang amat wajar diikuti oleh mereka yang terlibat dalam dunia akademik untuk menjadikan kedua-dua tokoh ini sebagai ikutan dalam menghasilkan karya-karya yang terus hidup walaupun setelah kematian pengarangnya.

d) Ilmu dan amal

Perlu diingat bahawa ketrampilan kedua imam al-R fi'ī dan al-Nawawī bukan sahaja dalam aspek akademik semata-mata tetapi mereka juga adalah contoh dalam amal-amal soleh. Dalam hal ini, al-Imām al-Nawawī misalnya tidak dapat dinafikan betapa umat menjadi saksi kepada kesungguhannya dalam beramal dan kezuhudan terhadap dunia. Ini juga adalah contoh yang harus diikuti oleh para ilmuan yang seharusnya menghimpunkan antara ilmu dan amal.

### 5.1.2 Metodologi pembinaan hukum

#### a) Metodologi pembinaan hukum

Metodologi pembinaan hukum atau *uṣūl al-fiqh* merupakan ilmu penting dalam rangka membina hukum *fur'īyah*. Ilmu ini tidak lain, kecuali merupakan prosedur yang harus diikuti oleh seorang mujtahid dalam membina hukum-hukum *fur'īyah* berdasarkan *uṣūl* yang digariskan. Dalam proses ini ada sumber-sumber yang disepakati perlu dirujuk iaitu al-Quran, Sunnah, ijmak dan *qiyās*. Manakala sumber-sumber lain tertakluk kepada penilaian dan ijtihad seorang mujtahid dalam menerima dan menolaknya. Dalam konteks mazhab Sh fi'ī para *Sh fi'iyah* sepakat menerima *al-istiṣhāb* sebagai salah satu sumber dalam membina hukum di samping empat sumber yang telah disebutkan.

#### b) Al-Imām al-Sh fi'ī dan ilmu *uṣūl al-fiqh*

Al-Imām al-Sh fi'ī selaku orang pertama yang menyusun ilmu *uṣūl al-fiqh* telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kearah memperkukuhkan sistem pembinaan hukum dengan menjelaskan sumber-sumber hukum dan kaedah-kaedah yang teratur untuk berinteraksi dengannya. Melalui karya agung beliau *al-Risālah*, al-Imām al-Sh fi'ī dilihat sangat mahir dalam menyusun metodologi hukum ini dengan amat teliti sekali. Dibantu dengan hujah-hujah yang mantap dan berkesan, *fiqh* kelihatan hidup, segar dan terpandu di tangan beliau.

### 5.1.3 *Tarjīh*

#### a) Pengertian *tarjīh*

*Tarjīh* bermaksud mengutamakan suatu dalil keatas dalil yang lain disebabkan kekuatan yang ada pada dalil tersebut. Proses ini dilakukan apabila berlakunya pertentangan zahir antara dua dalil atau lebih. Ini kerana secara hakikatnya dalil-dalil

syarak tiada percanggahan antara satu dengan yang lain. Sementara itu, proses *pertarjihān* ini hanya boleh dilakukan oleh seorang mujtahid yang benar-benar memiliki kelayakan seperti akidah yang murni dan mengetahui selok belok hukum.

b) Keperluan kepada *tarjih*

Keperluan kepada *tarjih* dalam mazhab Sh fi'ī teretus diatas faktor keperluan untuk menyemak dan mengkoreksi periwatan mazhab dan hasil ijihad para mujtahid yang memberikan pandangan dan pendapat yang pelbagai dalam satu-satu masalah *fiqh*. Ini perlu dilakukan semula supaya mazhab hanya diwakili oleh pandangan yang tepat berpandukan metodologinya. Di samping itu juga faktor persekitaran turut mempengaruhi kebangkitan ulama melakukan *tarjih* khususnya di zaman al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī yang merupakan permulaan kepada zaman taklid yang menyaksikan para *fuqaha'* lebih selesa berkhidmat dalam kerangka mazhab mereka sendiri.

c) Kaedah-kaedah *tarjih*

Sebagaimana yang dinyatakan bahawa *tarjih* itu adalah urusan seorang mujtahid yang dibina berdasarkan ijihadnya. Maka dalam hal ini kaedah *pertarjihān* adalah sangat penting dan mustahak serta mestilah bersandarkan kepada *uṣ l* yang jelas. Keperluan untuk merujuk kepada sumber serta metodologi yang tepat akan memberikan suatu hukum itu nilai kekuatan dan keabsahan sehingga dapat diyakini bahawa hukum yang *ditarjihān* tersebut adalah pandangan mazhab. Maka tugas ini adalah sesuatu yang amat berat yang hanya mampu dilaksanakan oleh mereka yang mempunyai minat yang mendalam serta kemahuan yang tinggi di samping syarat-syarat utama yang mesti dipenuhi sebagai seorang mujtahid.

#### 5.1.4 *Pertarjīhan* al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī

##### a) Kedudukan *pertarjīhan*

Para *Sh fi'iyah* yang terkemudian daripada al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī telah memutuskan bahawa hukum-hakam yang disepakati oleh kedua-dua imam ini adalah pandangan muktamad. Jika suatu masalah hanya disentuh oleh al-Im m al-R fi'ī maka pandangan beliau adalah terpakai. Begitu juga jika dalam satu masalah hanya disentuh oleh al-Im m al-Nawawī maka pandangan beliaulah yang terpakai. Manakala apabila berlaku perselisihan maka pandangan antara mereka berdua, pandangan al-Im m al-Nawawī lebih diutamakan. Ini kerana keluasan ilmu al-Im m al-Nawawī mengatasi al-Im m al-R fi'ī terutamanya dalam bidang hadis yang merupakan antara aset penting dalam mengistinbāf hukum.

##### b) Adab dalam perselisihan

Barangkali sesuatu yang dapat dipelajari daripada kajian ini adalah betapa pentingnya adab dan akhlak dalam menangani perselisihan. Al-Im m al-Nawawī walaupun mempunyai beberapa perselisihan pandangan dengan al-Im m al-R fi'ī akan tetapi ianya tidak menghilangkan rasa hormat dan kagumnya beliau terhadap al-Im m al-R fi'ī. Puji-pujian beliau terhadap al-Im m al-R fi'ī tetap sahaja dititipkan dalam pendahuluan kitab *al-Minhāj* dan *al-Rauḍhah*. Begitu juga dalam menangani masalah-masalah yang diperselisihkan, walaupun terkadang kelihatan ketara perselisihan seperti mengisbatkan kesunnahan amalan doa ketika membasuh anggota *wuḍū'*, tetapi al-Im m al-Nawawī tidak menggunakan bahasa yang menunjukkan kritikan beliau terhadap al-Im m al-R fi'ī.

c) Logik akal dan *qiyās*

Logik akal dan *qiyās* sangat berperanan besar dalam penghujahan hukum mazhab Sh fi'ī. Metode ini telah ditekuni oleh kedua imam al-R fi'ī dan al-Nawawī terhadap dalil-dali yang dikemukakan. Hampir setiap permasalahan *fiqh* yang dikemukakan di samping nas, mereka akan sertakan juga hujah logik akal dan *qiyās* sedapatnya untuk menguatkan lagi hukum yang dibawa. Jika tiada nas maka hujah logik akan digunakan dalam menetapkan hukum. Inilah juga metode yang digunapakai oleh al-Im m al-Sh fi'ī dalam mengemukakan hujah-hujah beliau di samping *nusūṣ*.

d) *Pertarjīhan* al-Im m al-R fi'ī

Al-Im m al-R fi'ī telah memainkan peranan yang begitu besar dalam memurnikan semula mazhab Sh fi'ī. Kepakaran beliau dalam bidang ini boleh dirujuk dalam karya-karya *fiqh* yang beliau tinggalkan. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa masalah yang perlu dinilai semula hukumnya sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Im m al-Nawawī dalam mukadimah kedua-dua kitab *al-Rauḍah* dan *al-Minhāj*. Jika dilihat kepada kitab *al-Minhāj* karangan al-Im m al-Nawawī yang diringkaskan daripada kitab *al-Muḥarrar* karangan al-Im m al-R fi'ī, ia mengandungi sejumlah 70 ribu hukum-hakam *fiqh*. Daripada jumlah sebesar itu, hanya sekitar 50 masalah yang menjadi perselisihan antara al-Im m al-R fi'ī dan al-Im m al-Nawawī. Maka nisbah *khil f* adalah sekitar 0.07% sahaja. Angka ini menunjukkan bahawa titik perselisihan itu adalah sangat kecil dan minimum. Selain itu ia juga memberi kefahaman bahawa hukum-hakam yang selebihnya telah disepakati oleh kedua-dua imam dan ia menepati *pertarjīhan* mengikut *uṣ l* mazhab al-Im m al-Sh fi'ī.

e) Al-Im m al-Nawawī dan hadis

Penguasaan al-Im m al-Nawawī dalam bidang hadis dan kemahiran beliau dalam bidang *fiqh* dan *uṣ l*nya telah memberikan kelebihan kepada beliau apabila melakukan *pentarjīhan* hukum. Dua masalah dalam kajian ini, pertamanya dalam bahagian mencelup perkakas menggunakan perak memperlihatkan bagaimana kemahiran beliau dalam bidang *uṣ l* menjelaskan hukum keharusan menggunakan perak untuk memateri perkakas dan larangan penggunaan emas untuk tujuan yang sama. Kedua, hukum wajib menepuk debu untuk kali kedua ketika bertayammum. Dalam masalah ini, al-Im m al-Nawawī berjaya mentakwil hadis *ṣaḥīḥ* yang menyatakan hanya sekali tepukan yang wajib untuk *tayammum*. Sedangkan *fiqh* mensyaratkan debu diratakan keseluruhan anggota *tayammum*. Untuk itu, beliau mewajibkan menepuk dua kali sebagai langkah berjaga atau *iḥtiyāt*.

f) Penolakan terhadap hukum tanpa dalil

Sebagaimana yang sedia maklum dalam ilmu *uṣ l al-fiqh* bahawa untuk menetapkan suatu hukum mestilah bersandarkan kepada dalil sama ada daripada al-Quran mahupun Sunnah. Jika daripada Sunnah sekurang-kurangnya ia mestilah berstatus *ḥasan*. Berdasarkan prinsip asas ini al-Im m al-Nawawī menolak doa-doa semasa membasuh anggota sebagai amalan yang disunatkan semasa berwuḍū'. Ini disebabkan tiada dalil yang beliau temui. Walaupun *Sh fi'iyah* yang terkemudian mengesahkan adanya dalil-dalil yang berkaitan dengan amalan tersebut, tetapi ianya sekadar hadis-hadis *ḍa'īf* sahaja yang tidak boleh sama sekali dijadikan hujah untuk menetapkan suatu hukum.



g) Pandangan *al-Ir qiyym̄*

Al-Im m al-Nawawī dalam *pentarjīhan* beliau tidak hanya bergantung kepada metode-metode *pentarjīhan* yang digariskan oleh al-Im m al-Sh fi'ī sahaja, bahkan beliau juga turut memiliki metodologi tambahan yang dibina berdasarkan pandangan para *Aṣḥāb* yang mendahuluinya. Al-Im m al-Nawawī dalam *mentarjīhkan* satu-satu pandangan turut mengambilkira pandangan *al-Ir qiyym̄* sebagai salah satu faktor untuk *mentarjīhkan* hukum kerana ketepatan dan ketelitian mereka dalam menukikan pandangan-pandangan mazhab seperti dalam masalah pateri menggunakan emas, keharusan menyentuh al-Quran menggunakan lidi bagi orang yang berhadad dan kewajipan menepuk debu dua kali ketika *bertayammum*.

h) Pandangan para imam mujtahid

Di samping menganalisis dalil yang dikemukakan, al-Im m al-Nawawī dalam *pentarjīhan* beliau terhadap satu-satu pandangan juga turut mengambil kira pandangan para imam mujtahid yang lain sebagai penguat kepada hujah yang dikemukakan. Sebagai contoh dalam masalah kewajipan menepuk debu dua kali untuk *bertayammum*, beliau turut menukikan bahawa ia sebagai pegangan para imam mujtahid yang lain seperti Sufyān al-Thawrī, al-Im m Ab Ḥanīfah dan al-Im m Mālik sebagai petunjuk kepada kekuatan pandangan yang hendak *di tarjīhkan*.

i) Kekuatan pandangan ramai

*Pentarjīhan* al-Im m al-Nawawī turut mengambilkira pandangan yang didukung oleh bilangan lebih ramai pengkaji. Ini boleh dilihat dalam masalah rukun tertib pada *wuḍū'* yang disertakan bersama perbuatan mandi.

## 5.2 SARANAN DAN CADANGAN

Setelah menyempurnakan kajian ‘*Khilafah* Di Antara al-Imām al-Rafi‘i Dan al-Imām al-Nawawī Dalam Bab Ibadah: Analisis Terhadap Kaedah *Pentarjihān*’, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan seperti berikut:

1. Perselisihan adalah sesuatu yang lumrah. Oleh itu adab dan akhlak adalah sesuatu yang perlu didahulukan dalam membincangkan masalah-masalah yang diperselisihkan. Sikap memperlecehkan pandangan lain tanpa kajian yang mendalam perlu dielakkan. Dalam hal ini banyak contoh-contoh para salaf yang boleh dirujuk.
2. Mencadangkan agar kajian ini diteruskan kepada bahagian-bahagian dan bab-bab berikutnya sehingga keseluruhan masalah yang diperselisihkan antara al-Imām al-Rafi‘i dan al-Imām al-Nawawī dapat dirungkai.
3. Mencadangkan juga agar dapat dilaksanakan kajian tentang perselisihan antara generasi berikut pelopor mazhab Shafi‘i seperti al-Imām Ibn Hajar al-Haitamī dan al-Imām Shams al-Dīn al-Ramlī. Ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana pengaruh *uṣūl* mazhab dan bagaimana metodologi *pentarjihān* diaplikasi dalam isu-isu yang diperselisihkan.
4. Dalam konteks Malaysia yang terdiri dari negeri-negeri yang mempunyai institusi fatwa yang tersendiri, penulis juga ingin mencadangkan agar ada juga kajian perbandingan dibuat antara fatwa negeri-negeri tersebut dalam isu-isu yang punya perselisihan hukum seperti saham ASB, hukum rokok dan sebagainya. Selanjutnya dibuat *pentarjihān* berpandukan *uṣūl* mazhab Shafi‘i dan metod-metod *pentarjihān* mazhab tersebut.

5. Oleh kerana ada perselisihan melibatkan kefahaman hadis di antara kedua-dua imam yang dikaji, penulis mencadangkan agar dibuat kajian berbanding berkaitan *fiqh al-hadīth* di antara kedua-dua tokoh ini yang menjurus kepada hadis-hadis hukum.
6. Mencadangkan agar dikukuhkan ilmu hadis *dirāyah* di peringkat sarjana muda dan sarjana bagi bidang pengajian Syariah untuk memperlihatkan kesinambungan antara ilmu *fiqh* dan hadis.
7. Menggesa agar pembelajaran kitab-kitab *turāth fiqh* diberi penekanan dalam pengajian Syariah, khususnya yang melibatkan karya penting dalam mazhab Sh fi'ī seperti *Minhāj al-Ṭālibīn* dan kitab-kitab yang menghuraikannya.
8. Menggesa agar usaha-usaha memperkukuhkan kefahaman terhadap mazhab Sh fi'ī dipergiatkan di segenap lapisan masyarakat Islam. Ini dilakukan dengan tujuan supaya mazhab tidak dianggap sebagai beban dan penghalang kepada penyatuan tetapi tidak lebih daripada metodologi dalam memahami hukum dan beramal dengannya.
9. Menggesa agar diperbanyakkan lagi disertasi dan tesis melibatkan kajian perpustakaan merangkumi bidang pengajian *uṣ l al-fiqh*, khususnya dalam bahasa Melayu sebagai satu usaha untuk menambah lagi bahan rujukan di bidang ini.